

RESEARCH ARTICLE

Kepentingan pembelajaran tambahan agama terhadap tahap penguasaan Al-Quran murid sekolah rendah

(The role of supplementary religious learning in enhancing Qur'anic proficiency among primary school students)

Norsuhaila binti Musa*, Fatmawati binti Latada, Mohamad Hilmi bin Mat Said, Mohd Suhardi bin Mat Jusoh

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia

Abstrak - Kajian ini meneliti kepentingan pembelajaran tambahan agama terhadap tahap penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah. Pembelajaran tambahan agama merangkumi aktiviti seperti pengajian al-Quran di luar waktu persekolahan melalui Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pengajian bersama guru al-Quran atau orang perseorangan dan sokongan pembelajaran oleh ahli keluarga. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk pembelajaran tambahan agama yang diikuti oleh murid sekolah rendah dan menganalisis hubungan antara penglibatan dalam pembelajaran tambahan agama dengan tahap penguasaan al-Quran. Seramai 498 orang murid tahun enam dipilih sebagai responden. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi (*Crosstabs* dan *Chi-Square*). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara bentuk pembelajaran tambahan agama dengan tahap penguasaan al-Quran, $\chi^2(14, N=498) = 72.838, p < 0.001$. Murid yang mengikuti kombinasi pembelajaran tambahan agama (KAFA, guru al-Quran dan ahli keluarga) mencatatkan pencapaian tertinggi pada tahap khatam al-Quran (66.7%) berbanding murid yang tidak pernah mengikuti pembelajaran tambahan agama (23.8%). Hasil kajian ini membuktikan bahawa pembelajaran tambahan agama memberi sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian objektif penguasaan al-Quran kanak-kanak terutamanya apabila dilaksanakan secara bersepadu melalui pendekatan formal dan tidak formal. Artikel ini menekankan keperluan untuk memperkukuh usaha pendidikan agama secara menyeluruh, melibatkan kerjasama antara institusi, komuniti dan keluarga bagi membina asas rohani yang kukuh dalam kalangan generasi muda Muslim.

Abstract - This study examines the role of supplementary religious learning in relation to Qur'anic proficiency among primary school students. Supplementary religious learning includes Qur'anic lessons conducted outside formal school hours through Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), private tutoring with Qur'anic teachers, and learning support provided by family members. The study aims to identify the forms of supplementary religious learning attended by students and to analyse their relationship with students' level of Qur'anic proficiency. A total of 498 Year Six students participated as respondents. Data were collected using a structured questionnaire and analysed using descriptive statistics and inferential analysis, specifically crosstabulation and chi-square tests. The findings indicate a significant relationship between forms of supplementary religious learning and the level of Qur'anic proficiency, $\chi^2(14, N = 498) = 72.838, p < 0.001$. Students who participated in a combination of supplementary learning environments (KAFA, Qur'anic teachers, and family guidance) recorded the highest percentage of completing the Qur'an (66.7%), compared to students who did not participate in any form of supplementary religious learning (23.8%). These findings demonstrate that supplementary religious learning contributes significantly to the development of Qur'anic literacy among children, particularly when implemented through an integrated approach that combines formal and informal learning environments. The study highlights the importance of strengthening collaborative efforts among educational institutions, families, and communities to support holistic religious education for young Muslim learners.

Article History

Received : 12 January 2026
 Revised : 2 February 2026
 Accepted : 30 March 2026
 Published : 30 April 2026

Kata Kunci

Pembelajaran tambahan agama
 Tahap penguasaan al-Quran
 Murid sekolah rendah

Keywords

Supplementary religious learning
 Qur'anic proficiency
 Primary school students

Pendahuluan

Peningkatan isu cabaran sosial dan moral dalam masyarakat kontemporari memperlihatkan sisi penting peranan pendidikan Islam dalam membentuk jati diri dan nilai generasi muda Muslim. Penguasaan al-Quran merupakan asas utama dalam pendidikan Islam kerana ia bukan sahaja melibatkan kemahiran membaca ayat-ayat suci al-Quran malah menjadi tunjang kepada pembentukan akidah, akhlak dan kefahaman ibadah sejak usia kanak-kanak. Sejarah telah membuktikan bahawa asas peradaban Islam adalah pendidikan yang bersumberkan daripada al-Quran. Menurut Abdullah et al. (2015) Al-Quran penting dalam membina kepercayaan, pemikiran, kejiwaan dan tindak tanduk, baik secara individu mahupun kumpulan. Di peringkat sekolah rendah, penguasaan al-Quran sering dikaitkan dengan keupayaan murid membaca dengan bertajwid, memahami asas bacaan serta mencapai tahap khatam sebagai penanda aras pencapaian

*CORRESPONDING AUTHOR | Norsuhaila Musa | ✉ suhailaskp@gmail.my

literasi agama. Oleh itu, pendidikan al-Quran perlu dilihat sebagai komponen teras dalam pembangunan insan dan bukan sekadar elemen pelengkap dalam kurikulum Pendidikan Islam.

Latar Belakang Kajian

Pendidikan agama Islam memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan kefahaman agama individu Muslim sejak usia kanak-kanak. Pelaksanaan pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah memperlihatkan bahawa proses penguasaan al-Quran dalam kalangan murid berlaku dalam latar yang pelbagai (Said et al., 2023). Selain pembelajaran formal di sekolah melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, murid turut terdedah kepada pelbagai bentuk pembelajaran tambahan agama yang dilaksanakan di luar waktu persekolahan. Antaranya termasuk Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) (Hamzah et al., 2024), pengajian al-Quran bersama guru al-Quran persendirian, orang perseorangan dalam kejiwaan, bimbingan ahli keluarga serta gabungan beberapa bentuk pembelajaran tersebut. Menurut Shafie dan Talib (2016), program KAFA merupakan pendidikan agama peringkat rendah untuk menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah sistem pendidikan kebangsaan sedia. Penekanan ditumpukan kepada pendidikan agama secara latihan amali dan kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid, juga perkara-perkara asas Fardhu Ain disamping memberi kemahiran menulis dan membaca jawi (Musaddin & Zulkifli, 2023). Turut menjadi hasrat pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ialah untuk melihat murid-murid yang terhasil daripada KAFA menjadi murid berakhlak sepertimana yang dianjurkan oleh al-Quran dan as-Sunnah (Nor et al., 2021)..

Manakala pembelajaran al-Quran secara persendirian atau melalui bimbingan ahli keluarga sering memberikan kelebihan dari segi perhatian individu, pengulangan bacaan dan suasana pembelajaran yang lebih kondusif. Bentuk pembelajaran ini membolehkan murid menerima bimbingan yang lebih bersifat peribadi dan fleksibel berbanding pembelajaran dalam kumpulan yang besar. Situasi ini mencerminkan kesedaran masyarakat, khususnya ibu bapa terhadap kepentingan penguasaan al-Quran sebagai asas pembentukan sahsiah dan jati diri Muslim (Nordin et al., 2021). Pembelajaran tambahan agama merupakan usaha kolektif komuniti dalam memastikan kesinambungan pendidikan al-Quran di luar waktu persekolahan formal. Namun demikian, kepelbagaian bentuk pembelajaran ini berpotensi mewujudkan variasi tahap penguasaan dalam kalangan murid. Walaupun pelbagai bentuk pembelajaran tambahan agama dilaksanakan secara meluas, bukti kukuh yang menilai hubungan antara bentuk penglibatan tersebut dengan tahap penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu memberi tumpuan kepada satu bentuk pembelajaran secara terpisah tanpa menilai kesan gabungan pelbagai bentuk pendedahan pembelajaran. Penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah turut dikaitkan dengan pendekatan pedagogi dan model pembelajaran yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Hamimi et al., 2024; Sabilan et al., 2018). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti kepentingan pembelajaran tambahan agama terhadap tahap penguasaan al-Quran murid sekolah rendah. Dengan memfokuskan kepada bentuk pembelajaran tambahan agama yang diikuti oleh murid serta hubungannya dengan tahap penguasaan al-Quran, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan pendidikan tidak formal dalam menyokong matlamat pendidikan Islam secara menyeluruh.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan secara keratan rentas (*cross sectional*). Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti pola penglibatan murid dalam pembelajaran tambahan agama dan hubungannya dengan tahap penguasaan al-Quran.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid tahun enam sekolah kebangsaan di negeri Pahang. Sampel kajian melibatkan seramai 498 orang murid yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan yang bersesuaian dengan lokasi sekolah dan kebolehpasaran responden. Saiz sampel ini dianggap mencukupi untuk analisis statistik inferensi seperti ujian khi kuasa dua (*chi-square*).

Instrumen Kajian

Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik berstruktur yang mengandungi dua bahagian utama iaitu maklumat demografi responden yang terdiri daripada jantina dan tahap penguasaan al-Quran dan maklumat pembelajaran tambahan agama. Pembelajaran tambahan agama dalam kajian ini merujuk kepada sebarang bentuk pengajian al-Quran yang diikuti oleh murid diluar waktu pembelajaran formal di sekolah. Ia dikategorikan kepada lapan bentuk iaitu: (1) KAFA, Kelas al-Quran dan Fardu Ain yang dijalankan secara formal pada waktu petang dibawah seliaan pihak berautoriti agama negeri atau badan swasta; (2) Guru pembimbing al-Quran secara persendirian sama ada di rumah atau pusat pengajian kecil; (3) Keluarga iaitu bimbingan al-Quran oleh ibu bapa atau ahli keluarga di rumah; (4) Tidak pernah bermaksud murid tidak mengikuti sebarang bentuk pembelajaran tambahan agama; (5) Gabungan kategori KAFA + Guru; (6) Gabungan kategori KAFA + Keluarga; (7) Gabungan Guru + Keluarga dan (8) Gabungan semua kategori pembelajaran. Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu bentuk pembelajaran tambahan yang mereka sertai atau tidak mengikuti sebarang pembelajaran tambahan agama.

Tahap penguasaan al-Quran dikategorikan kepada tiga aras iaitu ; Iqra' 1-6, al-Quran dan Khatam al-Quran. Pengelasan ini bertujuan memudahkan analisis dan meningkatkan kestabilan jangkaan sel dalam analisis silang. Kesahan

kandungan instrumen ini disemak oleh pakar dalam bidang Pendidikan Islam bagi memastikan kesesuaian item dan objektif kajian.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) V25. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan responden, manakala analisis silang (*crosstabulation*) dan ujian khi kuasa dua (*Pearson Chi-Square*) digunakan untuk menilai hubungan antara pembelajaran tambahan agama dan tahap penguasaan al-Quran murid. Selain itu, ukuran kekuatan hubungan dinilai menggunakan *Cramer's V*, memandangkan kedua-dua pembolehubah bersifat nominal dan jadual silang melibatkan lebih daripada dua kategori.

Dapatan Kajian

Penglibatan dalam Pembelajaran Tambahan Agama

Analisis deskriptif menunjukkan daripada 498 responden, 39.8% murid hanya menghadiri KAFA, manakala 8.4% mengikuti pengajian al-Quran bersama guru perseorangan dan 7.0% belajar dengan ahli keluarga. Sementara itu, 12.0% mengikuti kombinasi KAFA dan mengaji dengan guru perseorangan, 8.2% menggabungkan KAFA dan pembelajaran bersama ahli keluarga, dan 3.4% mengaji bersama guru perseorangan serta ahli keluarga. Menariknya, 16.9% murid mengikuti ketiga-tiga bentuk pembelajaran. Hanya 4.2% tidak mengikuti sebarang pembelajaran tambahan agama selepas waktu persekolahan. Dapatan ini menunjukkan bahawa KAFA kekal sebagai bentuk pembelajaran paling dominan, namun penggabungan pelbagai kaedah juga menunjukkan trend positif terhadap pendekatan pendidikan tambahan agama yang holistik.

Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran

Hasil kajian turut menunjukkan bahawa 266 orang (53.4%) murid telah berjaya khatam al-Quran, manakala 189 orang (38%) sedang membaca al-Quran, dan 43 orang (8.6%) masih berada di tahap Iqra' 1–6. Walaupun majoriti murid telah khatam al-Quran, kewujudan 8.6% murid yang masih berada pada tahap Iqra' menunjukkan masih terdapat kelompok yang memerlukan perhatian khusus dalam intervensi pembelajaran awal. Bagi memperincikan hubungan antara bentuk pembelajaran tambahan agama dengan tahap penguasaan al-Quran, analisis taburan silang telah dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan Jadual 1, dapat diperhatikan bahawa murid yang terlibat dalam gabungan pelbagai bentuk pembelajaran tambahan agama menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi untuk mencapai tahap penguasaan al-Quran yang tinggi, khususnya pada tahap khatam. Sebaliknya, murid yang tidak mengikuti sebarang bentuk pembelajaran tambahan mencatatkan peratusan tertinggi dalam kategori penguasaan rendah. Corak ini menggambarkan kepentingan pendedahan pembelajaran yang pelbagai dalam menyokong perkembangan kemahiran bacaan al-Quran secara berperingkat. Hasil ujian *Pearson Chi-Square* pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara bentuk pembelajaran tambahan agama dengan tahap penguasaan al-Quran murid sekolah rendah, $\chi^2(14, N=498) = 72.838, p < 0.001$. Nilai *Cramer's V* = 0.270 menunjukkan kekuatan hubungan sederhana, yang bermaksud bentuk pembelajaran tambahan agama memainkan peranan yang ketara tetapi bukan sebagai faktor utama. Walaupun terdapat 5 sel (20.8%) dengan jangkakan kurang daripada 5 (minimum *expected count* = 1.47), hasil yang sama disokong oleh *Likelihood Ratio* ($\chi^2(14) = 56.386, p < 0.001$) dan *Fisher's Exact Test* ($p < 0.001$). Keputusan ini menegaskan bahawa hubungan yang diperoleh adalah kukuh. Selain itu, analisis *Linear-by-Linear Association* juga signifikan, ($\chi^2(1) = 10.478, p = 0.001$), yang bermaksud semakin kukuh bentuk pembelajaran tambahan agama yang diikuti (daripada hanya satu bentuk kepada gabungan beberapa bentuk), semakin tinggi tahap penguasaan al-Quran murid. Bagi menguji sama ada hubungan yang diperhatikan adalah signifikan secara statistik, ujian khi kuasa dua Pearson telah dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1. Taburan silang tahap penguasaan al-Quran berdasarkan bentuk pembelajaran tambahan agama

Tahap Penguasaan al-Quran	KAFA	Guru	Keluarga	Tidak pernah	KAFA + guru	KAFA + keluarga	Guru + keluarga	Semua	Jumlah
Rendah (IQRA 1–6)	15 (7.6%)	3 (7.1%)	6 (17.1%)	10 (47.6%)	3 (5.0%)	3 (7.3%)	1 (5.9%)	2 (2.4%)	43 (8.6%)
Sederhana (al-Quran)	75 (37.9%)	23 (54.8%)	19 (54.3%)	6 (28.6%)	27 (45.0%)	8 (19.5%)	5 (29.4%)	26 (31.0%)	189 (38.0%)
Tinggi (Khatam)	108 (54.5%)	16 (38.1%)	10 (28.6%)	5 (23.8%)	30 (50.0%)	30 (73.2%)	11 (64.7%)	56 (66.7%)	266 (53.4%)
Jumlah	198 (100%)	42 (100%)	35 (100%)	21 (100%)	60 (100%)	41 (100%)	17 (100%)	84 (100%)	498 (100%)

Sumber: Keluaran SPSS

Keputusan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah yang dikaji. Nilai statistik yang diperoleh mengesahkan bahawa variasi dalam bentuk pembelajaran tambahan agama berkait secara bermakna dengan tahap penguasaan al-Quran murid. Seterusnya, bagi menilai kekuatan hubungan antara pembolehubah, analisis ukuran kesepadanan (*Symmetric Measures*) telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3. Nilai Phi = 0.382 dan *Cramer's V* = 0.270 yang diperoleh, kedua-duanya signifikan pada aras $p < 0.001$. Nilai ini menunjukkan bahawa kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana (Cohen, 1988), menandakan bahawa walaupun

pembelajaran tambahan agama merupakan faktor penting, terdapat juga faktor lain yang turut menyumbang kepada tahap penguasaan al-Quran murid.

Jadual 2. Ujian Khi kuasa dua Pearson (*Chi-Square Tests*)

Description	Value	Df	Asymptotic significance (2-Sided)	Monte Carlo significance (2-Sided) 99% Confidence interval			Monte Carlo significance (1-Sided) 99% Confidence interval		
				Significance	Lower bound	Upper bound	Sifnificance	Lower bound	Upper bound
Pearson Chi-square	72.838 ^a	14	0.000	0.000 ^b	0.000	0.009			
Likelihood ratio	56.386	14	0.000	0.000 ^b	0.000	0.009			
Fisher's exact test	55.101			0.000 ^b	0.000	0.009			
Linear-by-linear association	10.478 ^c	1	0.001	0.002 ^b	0.000	0.007	0.002 ^b	0.000	0.007
N of valid cases	498								

a. 5 cells (20.8%) have expected count less than 5. The minimum expected counts is 1.47
b. Based on 498 sampled tables with starting seed 2000000
c. The standardized statistic is 3.237

Sumber: Keluaran SPSS

Jadual 3. Ukuran kesepadanan (*Symmetric measures*)

Description		Value	Asymptotic significance	Monte Carlo significance (99% Confidence interval)		
				Significance	Lower bound	Upper bound
Nominal by Nominal	Phi	0.382	0.000	0.000 ^d	0.000	0.009
	Cramer's V	0.270	0.000	0.000 ^d	0.000	0.009
N of valid cases		498				

Sumber: Keluaran SPSS

Perbincangan

Kepentingan Pendidikan Agama Tambahan dalam Memantapkan Penguasaan al-Quran

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bentuk pembelajaran tambahan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan al-Quran murid sekolah rendah. Walaupun kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana (Cramer's $V = 0.270$), keputusan ini memperlihatkan bahawa penglibatan dalam pembelajaran tambahan agama merupakan faktor yang konsisten dalam mempengaruhi tahap literasi penguasaan al-Quran murid. Secara khususnya, murid yang mengikuti gabungan lebih daripada satu bentuk pembelajaran tambahan agama menunjukkan kecenderungan lebih tinggi untuk mencapai tahap khatam al-Quran. Gabungan KAFA dan pembelajaran bersama ahli keluarga contohnya, mencatatkan peratusan tertinggi murid khatam (73.2%). Berdasarkan teori pembelajaran kognitif, dapatan ini mencerminkan kesan pendedahan berulang (*repeated exposure*) dalam pelbagai bentuk pembelajaran dapat meningkatkan pengukuhan kemahiran asas melalui latihan yang konsisten dan berstruktur. Walaupun KAFA merupakan bentuk pembelajaran paling dominan, data menunjukkan masih terdapat murid yang mengikuti KAFA tetapi belum mencapai tahap khatam al-Quran. Kajian oleh Hashim et al. (2017) menyatakan bahawa murid KAFA masih tidak mampu untuk menguasai kemahiran asas seperti membaca al-Quran dengan tajwid yang betul. Situasi ini menunjukkan bahawa pembelajaran institusi secara formal sahaja mungkin tidak mencukupi tanpa pengukuhan berterusan di peringkat keluarga. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran di KAFA bergantung kepada pendekatan pedagogi guru serta sokongan persekitaran pembelajaran (Bakar & Noh, 2022). Kesenambungan pembelajaran antara sekolah dan persekitaran rumah memainkan peranan penting dalam membentuk tahap penguasaan kefahaman agama kanak-kanak. Menurut Al-Ahwani (1967) sarjana Islam al-Qabisi menegaskan bahawa penguasaan bacaan al-Quran merupakan asas kepada pelaksanaan ibadah yang sempurna, termasuk solat. Maka, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa pendekatan pembelajaran yang bersifat berlapis dan saling melengkapi berpotensi memperkukuh pencapaian murid secara lebih menyeluruh berbanding kebergantungan kepada satu saluran pembelajaran sahaja.

Peranan Ibu Bapa dan Institusi dalam Pembelajaran Tidak Formal

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang terlibat dalam gabungan pembelajaran institusi seperti KAFA dan pembelajaran berasaskan keluarga mencatatkan tahap penguasaan al-Quran yang lebih tinggi berbanding murid yang hanya bergantung kepada satu bentuk pembelajaran. Contohnya kombinasi KAFA dan pembelajaran bersama ahli keluarga merekodkan peratusan tertinggi murid yang mencapai tahap khatam. Situasi ini boleh difahami melalui perspektif Teori Modal Sosial (*Social Capital Theory*) yang dikemukakan oleh Coleman (1988), yang menegaskan bahawa pencapaian akademik kanak-kanak sangat dipengaruhi oleh jaringan sokongan sosial dalam keluarga dan komuniti. Modal sosial dalam hal ini adalah merujuk kepada interaksi yang kerap, pengawasan, bimbingan serta jangkaan nilai yang dikongsi dalam sesebuah keluarga. Apabila ibu bapa atau ahli keluarga terlibat secara aktif dalam pembelajaran al-Quran di rumah, mereka bukan sahaja menyediakan ruang latihan tambahan, tetapi turut membentuk norma yang mengutamakan penguasaan ilmu agama sebagai nilai penting dalam kehidupan. Ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang konsisten antara institusi formal dan persekitaran rumah, sekaligus mengukuhkan penguasaan

kemahiran bacaan al-Quran. Sebaliknya, peratusan murid yang hanya bergantung kepada pembelajaran formal atau tidak mengikuti sebarang pembelajaran tambahan menunjukkan tahap penguasaan yang lebih rendah. Dapatan ini selari dengan pandangan Putnam, (2000) bahawa kekurangan jaringan sosial dan penglibatan ahli keluarga boleh mengurangkan keberkesanan sokongan pendidikan terhadap kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak terbukti menjadi faktor signifikan dalam meningkatkan pencapaian akademik dan perkembangan sahsiah (Jura & Naray, 2023).

Dari sudut pedagogi, penguasaan bacaan al-Quran memerlukan latihan berulang dan konsisten. Murid yang hanya bergantung kepada waktu pengajaran formal yang terhad mungkin tidak memperoleh masa latihan mencukupi untuk mencapai kelancaran bacaan. Sebaliknya, pendedahan tambahan di rumah atau melalui kelas persendirian mewujudkan kesinambungan pembelajaran (*continuity of learning*) yang menyokong pengukuhan kemahiran asas (Zakaria et al., 2023). Prinsip ini selari dengan teori pembelajaran kognitif yang menekankan kepentingan pengulangan dan pengukuhan dalam pembentukan kemahiran individu. Menariknya, walaupun KAFA merupakan bentuk pembelajaran paling dominan dalam kalangan responden, masih terdapat murid yang mengikuti KAFA tetapi belum mencapai tahap khatam. Dapatan ini menunjukkan bahawa pembelajaran institusi secara formal sahaja adalah tidak mencukupi tanpa sokongan berterusan dalam persekitaran keluarga (Ubale et al., 2015). Dalam Islam, peranan keluarga secara tradisinya merupakan institusi pendidikan pertama bagi anak-anak. Konsep tarbiah menekankan tentang tanggungjawab ibu bapa dalam membimbing anak membaca dan memahami al-Quran sejak kecil (Ulwan, 1976). Oleh itu, dapatan kajian ini bukan sahaja selari dengan teori pendidikan moden, malah bertepatan dengan prinsip pendidikan Islam yang menekankan pembelajaran berterusan dalam lingkungan keluarga. Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah perlu difahami sebagai hasil interaksi antara institusi formal dan jaringan sokongan sosial keluarga. Pendidikan tambahan agama berfungsi sebagai pelengkap penting kepada sistem persekolahan dan menjadi medium yang menghubungkan nilai, amalan dan penguasaan kemahiran secara bersepadu. Dapatan ini mengukuhkan lagi hujah bahawa penguasaan al-Quran bukan sekadar bergantung kepada pendedahan formal, tetapi dipengaruhi oleh ekosistem pembelajaran yang merangkumi interaksi pedagogi, sokongan keluarga dan akses kepada sumber pembelajaran yang pelbagai.

Implikasi Kajian

Implikasi Terhadap Dasar Pendidikan Islam

Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap perancangan dan pelaksanaan dasar pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah. Hubungan signifikan antara pembelajaran tambahan agama dan tahap penguasaan al-Quran menunjukkan bahawa penguasaan literasi al-Quran tidak boleh disandarkan sepenuhnya kepada kurikulum formal di sekolah kebangsaan. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan institusi tambahan seperti KAFA dan sokongan keluarga. Sehubungan itu, pihak pembuat dasar boleh mempertimbangkan pengukuhan mekanisme penyelarasan antara sekolah kebangsaan dan institusi KAFA, termasuk perkongsian data asas tahap penguasaan murid serta intervensi berfokus terhadap murid yang masih berada pada tahap Iqra'. Pendekatan ini selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) yang menekankan kerjasama antara sekolah dan komuniti dalam memperkukuh pembangunan murid secara holistik. Selain itu, dapatan ini turut mencadangkan bahawa pengiktirafan formal terhadap pembelajaran tambahan agama sebagai komponen pelengkap sistem pendidikan Islam wajar diperkukuh dalam perancangan dasar, khususnya dalam konteks literasi al-Quran. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran al-Quran juga berpotensi menjadi medium sokongan tambahan yang efektif dalam meningkatkan literasi al-Quran murid (Shafie & Talib, 2016).

Implikasi Terhadap Institusi KAFA dan Sekolah.

Walaupun KAFA merupakan bentuk pembelajaran paling dominan dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa penyertaan dalam KAFA sahaja tidak menjamin pencapaian tahap khatam al-Quran. Hal ini memberi implikasi bahawa pendekatan pedagogi dan strategi pengajaran di institusi tersebut perlu sentiasa dinilai dan diperkemas. Institusi KAFA dan sekolah boleh memperkenalkan pendekatan pengukuhan berasaskan diagnostik, iaitu mengenal pasti murid yang masih berada pada tahap asas dan menyediakan sesi pengayaan atau bimbingan tambahan secara bersasar. Pendekatan ini berpotensi mengurangkan jurang penguasaan dalam kalangan murid. Di samping itu, kerjasama lebih sistematik antara guru Pendidikan Islam di sekolah dan guru KAFA boleh diwujudkan melalui perkongsian maklumat perkembangan murid, bengkel pedagogi bersama atau program literasi al-Quran bersepadu.

Implikasi Terhadap Peranan Keluarga dan Komuniti

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penglibatan keluarga merupakan faktor pengukuh yang signifikan dalam meningkatkan tahap penguasaan al-Quran murid. Oleh itu, pengukuhan peranan ibu bapa sebagai rakan pendidikan perlu diberi perhatian khusus. Pihak sekolah dan institusi KAFA boleh menganjurkan program kesedaran dan latihan asas kepada ibu bapa berkaitan teknik bimbingan bacaan al-Quran di rumah. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi ibu bapa, malah memperkukuh modal sosial dalam keluarga seperti yang dihuaikan oleh Coleman (1988). Dalam situasi masyarakat moden yang berdepan dengan kekangan masa dan perubahan gaya hidup, pendekatan inovatif seperti modul bimbingan digital, panduan bacaan ringkas atau platform komunikasi berterusan antara guru dan ibu bapa boleh diperkenalkan bagi memastikan kesinambungan pembelajaran berlaku secara lebih fleksibel dan realistik. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menegaskan bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah perlu difahami sebagai tanggungjawab bersama antara institusi pendidikan formal, institusi dalam komuniti dan keluarga.

Pendekatan kolaboratif dan bersepadu berpotensi menghasilkan kesan pendidikan agama yang lebih mampan dan menyeluruh.

Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa pembelajaran tambahan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan al-Quran murid sekolah rendah. Walaupun KAFA merupakan bentuk pembelajaran paling dominan, dapatan menunjukkan bahawa penglibatan dalam lebih daripada satu bentuk pembelajaran tambahan khususnya gabungan institusi formal dan sokongan keluarga, dikaitkan dengan tahap penguasaan yang lebih tinggi. Hal ini menegaskan bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan murid tidak terbentuk secara terasing dalam satu persekitaran pembelajaran, sebaliknya dipengaruhi oleh kesinambungan dan sinergi antara sekolah, institusi pembelajaran tambahan agama dan keluarga. Kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman bahawa pembelajaran tidak formal berperanan sebagai pelengkap penting kepada pendidikan Islam formal. Penguasaan al-Quran bukan sahaja berkait dengan pencapaian kemahiran bacaan, tetapi mencerminkan keberkesanan jaringan sokongan sosial yang menyokong perkembangan keagamaan murid secara bersepadu. Sehubungan itu, usaha memperkukuh pendidikan agama perlu dirangka secara kolaboratif dan sistematik, dengan memberi penekanan kepada penyelarasan antara institusi pendidikan dan penglibatan aktif keluarga. Pendekatan bersepadu ini berpotensi meningkatkan keberkesanan literasi al-Quran serta menyokong pembentukan generasi Muslim yang berpengetahuan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran semasa.

Penghargaan

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

Konflik Kepentingan

Penulis dan rakan pengkaji tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

Sumbangan Penulis

Artikel ini ditulis oleh Norsuhaila binti Musa sebagai penulis koresponden, mengetuai perancangan kerangka konseptual serta menyelaraskan pelaksanaan kajian dan penulisan manuskrip. Fatmawati binti Latada menyumbang dalam analisis dan pentafsiran data. Mohamad Hilmi bin Mat Said terlibat dalam pengumpulan data, manakala Mohd Suhardi bin Mat Jusoh menyemak dan menyunting manuskrip serta memberikan pandangan kritis bagi meningkatkan ketelitian dan keutuhan penulisan akademik.

Rujukan

- Abdullah, M., Abdullah, A. H., & Rosman, A. S. (2015). Identifikasi peranan ibu bapa dalam memastikan kelangsungan pendidikan tahfiz anak-anak. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*, 1-10.
- Al-Ahwani., A. F. (1967). *At-Tarbiyyah fil Islam (Mulhaq bihi al-Risalah al-Mufasssalah lil Ahwal al-Mu'allimin wa Ahkam Al-Mu'allimin wa al-Muta'allimin li Abi al-Hasan Ali bin Muhammad bin Khalaf al-Qabisi)*. Dar al-Maarif, Mesir.
- Bakar, M. A., & Noh, M. A. C. (2022). Kepentingan kemahiran komunikasi dan personaliti guru pendidikan Islam kelas al-quran dan fardhu ain (GPI KAFA) di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 8(2), 168-178.
- Coleman, J. S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*,), pp. S95–S120. <https://doi.org/https://doi.org/10.1086/228943>
- Hamimi, N., Japilan, A., Muhamad, N., & Saili, J. (2024). Dimensi pengalaman mengajar dan pengetahuan pedagogi kandungan dalam pengajaran tilawah al-Quran: sebuah analisis korelasi. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 70-83.
- Hamzah, N. Z., Jusoh, M. S. M., & Hamzah, A. A. (2024). Keberkesanan program pendidikan KAFA dalam pembangunan adab dan kerohanian murid: Kajian di daerah Kuantan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 9(1), 76–81.
- Hashim, R., Rashid, A. A., Noh, A. C., Yahaya, M. Z., Ali, Z., & Hamzah, L. M. (2017). *Laporan kajian penambahbaikan kurikulum kelas agama dan fardhu ain (KAFA)*. Jawatankuasa Sukatan Pelajaran & Kurikulum, LEPAI Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM.
- Jura, D., & Naray, C. L. N. (2023). Maximizing the role of parents through religious education in the family in the scope of early childhood education. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 15(4), 5328–5336. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v15i4.4508>
- KPM. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. In *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Musaddin, N. H., & Zulkifli, H. (2023). Kaedah-kaedah pengajaran guru kelas al-Quran dan fardhu ain (KAFA) dalam mengajar tilawah al-Quran. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 16–27.
- Nor, M. A. M., Naw, M. Z. M., & Muhamad, N. (2021). Pelaksanaan amalan pengajaran guru kelas al-Quran dan fardhu ain (KAFA) dalam pengajaran tajwid al-Quran di negeri Kedah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 11(1), 40–62. <https://doi.org/10.37134/jrptte.vol11.1.4.2021>

- Nordin, N., Rozali, W. N. A. W., Sa'ari, N., & Husin, S. (2021). Tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di KAFA Masjid KUIPSAS. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(2), 42–52.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. <https://doi.org/https://dl.acm.org/doi/proceedings/10.1145/358916>
- Sabilan, S., Ibrahim, B., Lip, S. M., Ishak, M. F., & Mohni, S. N. (2018). Analisis tahap penguasaan bacaan al-Quran murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang berdasarkan model khatam al-Quran dan model.
- Said, A. R. bin M., Omar, M. bin C., Omar, N. binti, & Ghazali, M. A. bin. (2023). Pengajaran al-Quran di sekolah rendah kementerian pendidikan Malaysia : Cabaran dan Harapan. *International Journal of Al-Quran and Knowledge IJQK*, 3(1), 1–10.
- Shafie, B. H. M., & Talib, N. H. F. (2016). Persepsi guru kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial, Bil 6*(Jilid 1), 86–97.
- Ubale, A. Z., Abubakar, T. A., & Abdullah, A. H. (2015). A correlation study of parental involvement and Islamic education' s achievment among SMKA students in Kuala Terengganu Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 5(10), 30–44. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v5-i10/1840>
- Ulwan, A. N. (1976). *Tarbiyyah Al-Aulad Fil Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Zakaria, R., Hussin, H., & Bahanudin, W. Z. W. (2023). Peranan ibu bapa terhadap pembelajaran al-Quran secara atas talian. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 6(1), 8–15. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i1.60>